



TENAGA produksi Enigma Film dianggotai 11 pelajar tahun akhir program seni kreatif UMS.

Filem psiko thriller 'Dora' ditayang di Dewan Resital UMS

4B 1.12.2015 B16

Oleh HENRY BATING

KISAH hidup 'Dora' yang mengalami tekanan mental setelah gagal dalam ikatan rumah tangga wajar dijadikan sebagai pengajaran terutamanya dalam kalangan wanita.

Dora yang dahulunya seorang wanita ceria telah berubah personaliti menjadi seorang yang mengalami gangguan jiwa (psiko) berikutan kecurangan suaminya dengan wanita lain sehingga membuatkan rumah tangga mereka akhirnya porak-poranda.

Disebabkan mengalami tekanan yang kuat dan tidak dapat menerima kecurangan sang suami, Dora akhirnya bertindak melakukan sesuatu di luar jangkaan yang mengakibatkan kehilangan nyawa beberapa insan lain yang tidak bersalah.

Rentetan hidup wanita bernama Dora ini sebenarnya merupakan antara isu kemasyarakatan yang cuba diangkat dalam filem pendek 'puzzled' yang diterbitkan oleh Produksi



KRU produksi mengenakan make-up wanita tua kepada 'Dora'.

Enigma Film, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Filem pendek yang akan ditayangkan pada 18, 19 dan 20 Disember 2015 di Dewan Resital, FKSW, UMS ini sudah tentunya menjanjikan kepuasan kepada para penonton.

Pelajar UMS dan orang awam dialu-alukan untuk

datang beramai-ramai menonton filem psiko thriller yang dijayakan oleh kalangan pelajar tahun akhir program seni kreatif, UMS.

Tiket yang berharga RM3 dan RM5 boleh didapati terus di kaunter Enigma Film semasa hari tayangan. Pembelian pukal tiket juga ditawarkan iaitu RM7 untuk tiga tiket dan RM12 untuk lima tiket.